

14 Februari 2022

KEPADA SEMUA KAKITANGAN NORTHPORT (MALAYSIA) BHD

PER: KETETAPAN PENGANJURAN MESYUARAT ATAU PERBINCANGAN DAN PENANGGUHAN AKTIVITI BERKUMPULAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada semua warga TeamNorthport.

Berikutan kes harian COVID-19 yang telah mencatatkan jumlah sebanyak 21,072 kes, pihak Syarikat dengan ini menetapkan peraturan bahawa semua mesyuarat atau perbincangan yang akan diadakan, perlu melalui sidang video (video conference) seperti Microsoft Teams, Zoom, Skype atau lain-lain aplikasi komunikasi menggunakan video.

Selain itu, semua aktiviti secara berkumpulan juga perlu ditangguhkan sehingga jumlah kes harian COVID-19 telah menunjukkan kadar penurunan. Peraturan ini berkuat kuasa serta merta sebagai inisiatif Syarikat dalam membendung penularan wabak COVID-19.

Walau bagaimanapun, pengecualian akan diberikan kepada situasi-situasi yang tidak dapat dielakkan, yang memerlukan mesyuarat atau perbincangan untuk diteruskan secara bersemuka/fizikal, tertakluk kepada pematuhan SOP yang telah digariskan serta nasihat dan kebenaran daripada Bahagian HSSE.

Saya ingin menasihatkan agar semua kakitangan untuk terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan seperti memakai pelitup muka, mengamalkan penjarakan fizikal dan sentiasa menjaga kebersihan sendiri.

Sekian, terima kasih.

Saya Yang Menjalankan Amanah,
NORTHPORT (MALAYSIA) BHD



DATU' AZMAN SHAH BIN MOHD YUSOF
Ketua Pegawai Eksekutif